

**TEKS UCAPTAMA**

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**PROGRAM "PARTNERS OPERATIONS DIALOGUE (POD)"  
26 Februari 2019 (Selasa)**

---

Terima kasih saudara pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)  
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Azmir Merican  
Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif,  
UEM Edgenta Berhad

Yang dihormati Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif dan  
wakil-wakil dari syarikat-syarikat Kontraktor / *Partners*;

Barisan pengurusan UEM Edgenta Berhad serta  
hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta) di atas kesudian menjemput saya untuk memberikan ucapan di majlis "**PARTNERS OPERATIONS DIALOGUE 2019**".
2. "**PARTNERS OPERATIONS DIALOGUE**" atau "**P.O.D**" merupakan satu platform di mana UEM Edgenta dan syarikat-syarikat kontraktornya mewujudkan peluang dan ruang bagi membincangkan isu-isu berkaitan operasi yang merangkumi cabaran dan pencapaian serta hala tuju strategik dalam industri pengoperasian dan penyelenggaraan jalan raya dan lebuh raya.
3. "**PARTNERS OPERATIONS DIALOGUE 2019**" telah dianjurkan buat kali kedua dan untuk edisi kali ini, pihak UEM Edgenta mengekalkan aspek "**Keselamatan**" sebagai tema. Namun, tema ini diperluaskan lagi sebagai "Keselamatan & Kecemerlangan Operasi".
4. Sesungguhnya, saya amat berbesar hati dan mengucapkan tahniah kepada UEM Edgenta sebagai pemimpin industri penyelenggaraan infrastruktur, yang menyelenggara lebih 2,500km jalanraya di Malaysia atas inisiatif positif untuk bersama-sama membawa industri ini ke peringkat yang lebih cemerlang pada masa hadapan.
5. Saya percaya inisiatif proaktif UEM Edgenta dalam bekerjasama dengan syarikat-syarikat kontraktor/rakan kongsinya untuk meningkatkan kecekapan dalam kualiti pengoperasian dan

penyelenggaraan lebuh raya pasti akan membuahkan lebih banyak idea-idea yang dapat diguna-pakai bersama malah boleh diluaskan lingkungannya ke seluruh industri ini.

## ASPEK KESELAMATAN

Hadirin Sekalian,

6. Seperti sedia maklum, adalah menjadi keutamaan Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur asas yang moden, rangkaian jalan raya dan lebuh raya yang selamat, selesa serta mempunyai tahap perkhidmatan yang baik.
7. Oleh yang demikian, penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya seperti Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lebuhraya Pantai Timur 2 dan LATAR yang dibawah selenggaraan UEM Edgenta.
8. Keselamatan merupakan aspek yang sangat penting terutamanya dalam industri infrastruktur. Sehubungan itu, adalah menjadi keutamaan bagi setiap pemain industri untuk memberi penekanan terhadap budaya keselamatan di tempat kerja. Dengan terbentuknya **budaya kerja selamat dan sihat** di tempat kerja, kita akan sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan terutamanya cabaran-cabaran baharu di tempat kerja pada masa hadapan. Keadaan tersebut membolehkan pekerja bekerja dengan lebih tekun, efisien dan produktif yang membolehkan syarikat mengeluarkan produk dan

perkhidmatan berkualiti dan dapat beroperasi secara berterusan dalam jangka masa yang panjang. Produktiviti syarikat akan terus meningkat dan secara tidak langsung akan membantu peningkatan kepada produktiviti negara.

9. Kemalangan di tempat kerja akan memberikan implikasi; (kehilangan nyawa, masa, kos dan produktiviti) serta imej yang buruk kepada organisasi yang terlibat khususnya dan Negara amnya. Justeru, majikan dan pekerja perlulah bersatu dan bekerjasama untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Negara kita. Tanggungjawab ini haruslah digalas oleh semua pihak dan jalinan usaha sama berkaitan keselamatan harus dipertingkatkan.
10. Justeru, saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada UEM Edgenta kerana telah berjaya melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan keselamatan yang berkesan sehingga dapat mengurangkan kadar statistik kematian di tempat kerja. Walaupun jelas masih ada ruang untuk penambahbaikan, saya mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk terus berusaha menerapkan budaya keselamatan dalam menjalankan tugas harian melalui program kesedaran dan penguatkuasaan keselamatan secara intensif untuk merealisasikan sasaran "**Goal Zero**".
11. Sungguhpun begitu, kita hanya akan berjaya jika kita dapat memastikan tiada kematian berlaku di tempat kerja. Saya dapat merasakan bahawa ini adalah matlamat semua individu yang hadir di sini, dan saya menyokong sepenuhnya usaha ini. Saya juga akan

memastikan Kementerian Kerja Raya juga memberikan bantuan sepenuhnya untuk menjayakan matlamat murni ini melalui agensi-agensi seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan juga CIDB.

## **PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM OPERASI DAN PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Selaras dengan aspirasi kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat, Kementerian Kerja Raya sememangnya komited untuk meningkatkan mobiliti dan kesalinghubungan disamping memastikan kemampunan infrastruktur dan keselamatan para penggunaannya.
13. Oleh yang demikian, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan fokus keutamaan iaitu "**Mendigitalkan Industri Pembinaan**". Hala tuju ini memfokuskan kepada pemeraksanaan teknologi dalam pelbagai aspek termasuk pengoperasian dan penyelenggaraan jalan dan lebuhraya.
14. Menerusi elemen Revolusi Industri 4.0 seperti aplikasi sistem pengurusan trafik, penggunaan dron, papan tanda elektronik, sistem pemantauan cerun, sistem pengurusan data, aplikasi navigasi pintar yang pelbagai, CCTV dan "*Global Positioning System (GPS)*" seharusnya membawa penambahbaikan yang memberi impak positif

kepada pengguna dalam menangani pengurusan trafik, keselamatan, penyelenggaraan dan fasiliti lebuhraya.

15. Saya difahamkan, baru-baru ini UEM Edgenta telah mendemonstrasikan Sistem Pengurusan Aset Jalan Raya atau "*RAMS*", sebuah teknologi terkini dan penyelesaian generasi akan datang yang digunakan untuk pengurusan dan pengoptimuman aset lebuhraya. Sistem ini mampu mengurangkan kos penyelenggaraan dengan efisien dan meningkatkan produktiviti serta memastikan lebuhraya sentiasa selamat kepada pengguna. Sistem *RAMS* ini telah digunapakai di sepanjang lebuhraya dan jalan raya di Malaysia yang diselenggara UEM Edgenta melalui Bahagian Perkhidmatan Infrastruktur.
16. UEM Edgenta juga telah menggunakan teknologi moden seperti *CCTV* dan *GPS* yang saya sebutkan tadi untuk memantau dan memastikan tindakbalas cepat dalam mengatasi masalah-masalah penyelenggaraan di lebuhraya. Tahniah saya ucapkan dan saya pasti rakan-rakan kongsi UEM Edgenta hari ini juga akan bergerak ke arah Revolusi Industri 4.0.
17. Saya telah diberitahu bahawa UEM Edgenta telah melaburkan lebih daripada RM 100 juta sepanjang tiga tahun lepas demi tujuan mekanisasi serta automasi dan memperkenalkan proses-proses baharu. Ini bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatannya termasuk penggunaan pertama "*mechanised grass cutter machine*" di Asia Tenggara serta penggunaan "*mechanised road sweeper*" pertama di Malaysia.

18. Ini membuktikan bahawa syarikat swasta juga komited dalam bidang inovasi dan teknologi terkini, sebagai pendokong utama dalam pembangunan infrastruktur negara bagi mencapai aspirasi Kerajaan Malaysia Baharu.

## **HARAPAN KEMENTERIAN**

19. Saya juga mengharapkan agar menerusi platform yang ada ini, pelbagai bentuk inovasi produk dan pendekatan dapat dibentang dan dibincangkan lebih-lebih lagi dalam aspek keselamatan, penyelenggaraan infrastruktur dan pengurusan fasiliti di lebuh raya.
20. Saya ingin menyeru agar lebih banyak lagi syarikat swasta menggunakan inovasi dan teknologi terkini dalam perkhidmatan yang ditawarkan, sentiasa memastikan aspek pengurusan dan penyelenggaraan lebuh raya sentiasa dalam keadaan terbaik. Hak pengguna untuk menikmati lebuh raya yang selesa dan selamat tidak boleh diketepikan dalam menjamin kesejahteraan rakyat.
21. Adalah menjadi harapan Kementerian Kerja Raya supaya inisiatif-inisiatif kerjasama di antara kerajaan dan pihak swasta ini diperkukuhkan dan menjadi tulang belakang kepada pembangunan infrastruktur negara.

## **PENUTUP**

22. Saya juga difahamkan bahawa baru-baru ini UEM Edgenta telah menerima anugerah dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dua kemudahan awam iaitu tandas yang diselenggara UEM Edgenta di Perhentian Perasing, Terengganu dan Perhentian Rawang, Selangor telah memenangi anugerah tandas terbersih tempat kedua dan ketiga dalam kategori perhentian awam di peringkat nasional. Syabas saya ucapkan!
23. Dikesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dan marilah bersama-sama kita menggunakan segala peluang dan ruang yang ada untuk melakukan penambahbaikan yang berterusan ke arah kebaikan industri lebuhraya. Besarlah harapan saya agar semua yang hadir akan mendapat manfaat daripada program ini, sentiasa memperbaiki dan meningkatkan kualiti operasi dan keselamatan.
24. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada UEM Edgenta dan semua rakan-rakan kongsinya dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ